

BRIEFING NOTE

YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

UNTUK MESYUARAT PENUH

BIL 4/2020 PADA 29 JULAI 2020

1.0 SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2020

Kehangatan sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Negeri Perak 2020 terus disemarakkan dengan pelaksanaan sambutan secara maya dan mempunyai kelainan akibat pandemic COVID-19. Pelbagai program telah diatur bagi mengekalkan tradisi sebagai tanda syukur kepada perjuangan lampau. Antara program yang telah diatur adalah Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan, Pertandingan Sayembara Puisi Hari Kebangsaan, Pertandingan Video Pendek Hari Kebangsaan, dan Kembara Merdeka Jalur Gemilang. Borang serta terma dan syarat boleh didapati di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak.

Saya menyeru seluruh wargakota Taiping mengibarkan Jalur Gemilang di setiap pelusuk Bandar Taiping. Kibarkan dengan rasa cintakan negara dan dengan rasa penuh bangga sebagai anak Malaysia.

2.0. BANTUAN KHAS WABAK COVID-19 PENJAJA DAN PENIAGA KECIL NEGERI PERAK YANG BERLESEN DENGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (FASA 3)

Pada 18 Mac 2020 yang lalu, YAB Menteri Besar Perak telah mengumumkan pemberian bantuan one-off RM500 daripada Kerajaan Negeri Perak untuk penjaja dan peniaga kecil yg berdaftar dengan semua PBT Perak termasuk Majlis Perbandaran Taiping. Pemberian bantuan khas ini bertujuan untuk meringankan bebanan para penjaja dan peniaga kecil dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung wabak COVID-19.

Justeru, semua penjaja dan peniaga kecil yang yang berlesen dengan Majlis Perbandaran Taiping boleh menyemak kelayakan di laman sesawang rasmi MPT. Seramai 1,208 peniaga layak menerima bantuan bagi Fasa 3 dan perlu mengemukakan maklumat seperti salinan Kad Pengenalan depan belakang serta Penyata Bank Akaun terkini bagi agihan bantuan dapat dibuat secara atas talian. Maklumat peniaga boleh emel kepada mpt@mptaiping.gov.my atau whatapps maklumat di talian 011-11357416. Untuk makluman, seramai 963 peniaga layak menerima bantuan pada Fasa 1 dan seramai 522 peniaga layak menerima bantuan pada Fasa 2.

3.0. PELANCARAN APLIKASI MYMPT

Majlis Perbandaran Taiping hari ini akan melancarkan aplikasi mudah alih MyMPT bagi menyemak dan membayar Cukai Taksiran, Sewaan Gerai milik Majlis dan Kompaun secara talian. MyMPT yang dibangunkan ini menjurus kepada usaha ke arah keberkesanan sistem dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan memudahcara urusan orang ramai. Aplikasi MyMPT adalah aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun di Play Store (versi Android) manakala di Apps Store (versi iOS) masih sedang dalam proses dan akan dimaklumkan apabila ianya sudah sedia di platform tersebut.

Bermula penggal kedua tahun 2020 MPT tidak lagi mengepos bil cukai taksiran kepada pembayar-pembayar cukai taksiran di kawasan pentadbiran MPT seperti mana kelaziman, sebaliknya bil tersebut dikeluarkan secara atas talian. Ini bagi menyesuaikan budaya norma baharu bagi situasi pandemik COVID-19. Penyesuaian dalam mengadaptasi norma baharu ini bukan sahaja boleh membantu mencegah jangkitan COVID-19 disamping memudahkan urusan bayaran secara dalam talian.

4.0 PERTANDINGAN MENAMAKAN TIGA EKOR ANAK HARIMAU MALAYA ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Bersempena Sambutan Hari Harimau Sedunia @ Global Tiger Day pada 29 Julai 2020, Zoo Taiping & Night Safari akan menganjurkan pertandingan menamakan tiga ekor anak Harimau Malaya yang lahir pada 12 April 2020. Ibu kepada anak-anak harimau Malaya yang comel, dipanggil dengan nama 'Baby' sementara bapa mereka bernama 'Raja'. Dua daripada anak-anak harimau Malaya adalah betina sementara seekor lagi jantan.

Untuk menyertai pertandingan ini, boleh layari laman sesawang rasmi MPT dengan mengisi borang penyertaan secara talian. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Julai 2020, sebelum jam 12.00 tengahari. Hadiah yang ditawarkan adalah berupa wang tunai berjumlah RM500.00 bagi setiap nama anak harimau yang terpilih dan pelbagai cenderahati pelancongan Taiping dan Zoo Taiping & Night Safari.